

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' WIRA MOHD JOHARI BAHAROM**  
**KAWASAN** : **KUBANG PASU**  
**TARIKH** : **7.4.2014 (ISNIN)**  
**NO. SOALAN** : **19**

**Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BAHAROM** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- a) bilakah Dasar Automatif Negara (DAN) akan dilaksanakan? Apakah DAN telah mengambil kira tentang pemegang-pemegang "*Approval Permit*" (AP) kereta yang menjadi punca pendapatan 25,000 orang pekerja di bawah seliaan mereka; dan
- b) jika DAN dilaksanakan, apakah keuntungan langsung kepada negara dari segi tarif dan cukai ke atas kenderaan yang diimport dan dibuat di dalam negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kubang Pasu, Dasar Automatif Nasional (NAP) 2014 telahpun dilancarkan pada 20 Januari 2014. Namun demikian, pelaksanaan beberapa langkah seperti pengeluaran Lesen Pengilang baharu bagi segmen kenderaan bertenaga efisien (EEV) telah

dimulakan pada tahun 2012 berikutan kelulusan Jemaah Menteri ke atas langkah baharu ini.

Berhubung dengan Lesen Import (AP) kereta, Kerajaan di bawah NAP 2014 telah memutuskan supaya satu kajian terperinci dan menyeluruh dijalankan mengenai implikasi pemansuhan sistem AP ke atas semua pihak berkepentingan.

Tuan Yang Di Pertua,

NAP 2014 akan terus membantu Kerajaan dalam usaha untuk mewujudkan industri automotif tempatan yang lebih kompetitif dan berdaya saing dan seterusnya membangunkan Malaysia sebagai hab automotif serantau bagi EEV menjelang tahun 2020.

Dalam hal ini, pelbagai langkah yang digariskan untuk membangunkan industri automotif negara dijangka akan terus meningkatkan jumlah pengeluaran kenderaan untuk mencapai sasaran 1.35 juta unit setahun menjelang tahun 2020 di mana jualan tempatan kenderaan penumpang berjumlah 1 juta unit. Ini akan memberi pulangan lebih besar dari segi pungutan hasil cukai daripada jualan kenderaan yang meningkat di samping hasil cukai lain yang diperolehi daripada kemasukan pelaburan asing baharu.